

Tiada sebab pilihan raya sebelum 2004 — PM

UM 29 MAR 2002

PUTRAJAYA 28 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak melihat sebarang sebab untuk mengadakan pilihan raya umum sebelum tahun 2004.

“Tidak ada sebab mengapa kami perlu tergesa-gesa. Kami tidak pernah tergesa-gesa.

“Kami selama ini menanti sehingga tiba waktunya untuk mengadakan pilihan raya baru,” kata-

nya yang enggan menyatakan sama ada akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang, semasa diwawancara oleh *Associated Press (AP)* hari ini.

“Tempoh itu terlalu jauh untuk

saya fikirkan. Saya berfikir untuk tempoh seminggu atau sebulan akan datang,” katanya lagi.

Spekulasi meningkat baru-baru ini bahawa Dr. Mahathir akan mengambil kesempatan daripada

lonjakan sokongan terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan mengadakan pilihan raya lebih awal, kemungkinan pada tahun depan.

Mandat kerajaan akan berakhir pada November 2004. — AP